

ZAZALI
JAMIANNOR AZAN
FITRIMOHD.
AZIMSHAHJEHAN
MAAMIN

Perlis 2014



SUKMA XVII

24 Mei-4 Jun

Terengganu teruskan penguasaan

KANGAR - Kontinjen Terengganu membuktikan kecemerlangan mereka dalam temasya Sukma XVII Perlis 2014 apabila terus berada di kedudukan teratas carta kutipan pingat dengan majoritinya disumbangkan daripada sukan kanu.

Secara keseluruhannya sebanyak 13 pingat dipertandingkan semalam termasuk enam dalam acara kanu, dua daripada acara basikal dan lima di gelanggang karate.

Terengganu seolah-olah sukar



digugat di Tasik Timah Tasoh apabila sekali lagi hampir menyapu bersih pingat emas yang dipertandingkan, sekali gus meletakkan mereka selesa selaku pendahulu dengan sembilan pingat emas, empat pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Pingat emas kontinjen negeri pantai timur itu dikutip menerusi kategori K1 500m wanita, K2 500m lelaki, K2 500m wanita dan K4 500m wanita.

Pulau Pinang juga terus ce-

merlang apabila menguasai acara karate yang berlangsung di Kolej Matrikulasi Perlis di Arau dengan meraih tiga pingat emas - dua menerusi acara kata berpasukan lelaki dan wanita dan satu daripada kumite 75kg lelaki.

Pasukan kata yang masing-masing diketuai Thomson Hoe dan Celine Lee tidak berhadapan sebarang cabaran untuk meraih pingat emas peribadi kedua mereka.

Kontinjen Wilayah Persekutuan juga perlu diberikan perhatian kerana dalam saingan yang berlangsung se-

malam, mereka berjaya meraih empat pingat emas dengan dua daripadanya daripada acara kumite 55kg wanita dan kumite 61kg wanita.

Dua lagi pingat emas Wilayah Persekutuan disumbangkan menerusi acara kanu, K1 500m lelaki dan K4 500m lelaki, sekali gus meletakkan mereka di kedudukan ketiga keseluruhan dalam carta kutipan pingat.

Sabah pula meraih dua pingat emas pertama mereka semalam menerusi acara BMX Race 400m bagi kategori lelaki dan wanita.

Sementara itu, sebanyak empat pingat emas akan dipertandingkan hari ini - dua daripadanya menerusi acara skuasy perseorangan lelaki dan wanita manakala dua lagi menerusi acara berbasikal kategori, 24km Cross Country MTB wanita dan 36km Cross Country MTB lelaki.

Majlis Perasmian Sukma XVII Perlis 2014 akan turut berlangsung hari ini di Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar dan bakal dirasmikan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail pada pukul 8.30 malam.